

KENYATAAN SEBUTHARGA  
TARIKH IKLAN : 31 JANUARI 2024

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor Bumiputra sahaja yang berdaftar dengan CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor dan telah berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak di dalam Gred, Kategori, dan Pengkhususan yang berkaitan yang dimiliki 100% rakyat tempatan dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini untuk melaksanakan kerja-kerja seperti :-

BIL.	BIL. SEBUTHARGA DAN TAJUK PROJEK	GRED	KATEGORI & PENGKHUSUSAN SERTA DAERAH DIDAFTARKAN	TARIKH/MASA/ TEMPAT BERTUMPUL	TARIKH/WAKTU/ TEMPAT SEBUTHARGA DITUTUP
1	<b>PPN.PK.(S) 69/2024 (SKH)</b> MENAIKTARAF JALAN HUTAN DI TAMAN EKO RIMBA ULU KENAS, DAERAH KUALA KANGSAR PERAK.	G1	Kategori CE Pengkhususan CE21	14-02-24 Jam 10.00pg - 10.30pg  TAMAN EKO RIMBA ULU KENAS, DAERAH KUALA KANGSAR.	21-02-24 Jam 12.00 tengahari Bilik Tender, Aras Bawah Jabatan Perhutanan Negeri, Persiaran Meru Utama, Perak Darul Ridzuan, Ipoh.
<i>*Sebutharga yang lewat, tidak akan diterima</i>					

- 1 Kontraktor-kontraktor yang berminat adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri lawatan ke tapak bina. Tempat-tempat berkumpul dan tarikh/masa lawatan ke tapak bina berkenaan adalah seperti yang ditetapkan di atas.


*Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja boleh menghadiri lawatan tapak/taklimat sebutharga.*

- 2 Borang sebutharga akan dijual dengan harga RM 20.00 kepada kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah sahaja. Untuk maksud ini kontraktor-kontraktor atau wakil-wakilnya hendaklah mengemukakan Sijil Pendaftaran Asal yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor, CIDB dan Resit Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Borang sebutharga boleh didapati/dibeli sehingga satu hari sebelum tarikh tutup sebutharga.
- 3 Semua bayaran hendaklah dalam bentuk Wang Pos, Kiriman Wang atau Bank Deraf atas nama "BENDAHARI NEGERI PERAK".
- 4 Dokumen sebutharga boleh dibeli mulai 15 FEBRUARI 2024 hingga sehari sebelum tarikh tutup sebutharga pada waktu pejabat di Seksyen Kejuruteraan Hutan, Aras 2, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020, Ipoh, Perak.
- 5 Dokumen sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis dipenjuru kanan sampul surat, no. sebutharga dan dialamatkan seperti dibawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Bilik Tender, Aras Bawah, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya 30020 Ipoh sebelum atau pada 21 FEBRUARI 2024 pada jam 12.00 tengahari.

PENGARAH PERHUTANAN NEGERI  
PERSIARAN MERU UTAMA  
BANDAR MERU RAYA  
30020 IPOH, PERAK

- 6 Syarikat/Kontraktor/Pembekal hendaklah berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak sebelum membeli dokumen sebutharga.
- 7 Pemilihan kontraktor yang berjaya adalah berdasarkan analisa **SISTEM 'CUT-OFF'**. Oleh yang demikian, kerajaan tidak terikat untuk menerima sebutharga terendah atau sebarang sebutharga.

Timbalan Pengarah Pembangunan

  
OTHMAN BIN DERIS  
Timbalan Pengarah (Pembangunan)  
Jabatan Perhutanan Negeri  
Perak Darul Ridzuan